



Semua Pelajar  
Program Pascasiswazah  
Pusat Kembangan Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
(Kecuali Pelajar FTSM dan FUJ)

Saudara/i,

**MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2020-2021**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 1 Sesi Akademik 2020-2021 akan **bermula pada 12 Oktober 2020**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
<b>PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2020-2021</b>	Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus <b>bermula 12 Oktober 2020</b> . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
<b>CAJ LEWAT MENDAFTAR</b>	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP.
<b>DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR</b>	Pelajar akan diberikan status "DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR" jika tidak membuat pendaftaran sehingga <b>selewat-lewatnya pada 15 November 2020</b>
<b>JADUAL PERKULIAHAN</b>	Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP <b>selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula</b> . Pelajar juga dinasihatkan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**


Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5585 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

	sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.
<b>PEMBAYARAN YURAN</b>	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester <b>sebelum atau pada 4 Oktober 2020</b>.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian.</p> <p>Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan <b>Portal E-Kewangan</b>.</p>
<b>BIODATA PELAJAR DI SMPE</b>	Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2019-2020.

Sekian, untuk makluman dan perhatian saudara/i. Terima kasih.

Yang benar,



**NOOR SUZILAWATI BINTI DESA**  
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik  
b.p. Timbalan Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program  
- Ketua Bahagian Pentadbiran, PKP  
- Bahagian Kewangan, PKP



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5329 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

